

Tahun Pemulihan

MEMBINA SEBUAH GEREJA SEL YANG MENGONGSIKAN YESUS DAN MENYENTUH HIDUP
MELALUI PEMURIDAN YANG SENTIASA BERTUMBUH DALAM KASIH KEPADA ALLAH DAN SESAMA MANUSIA

PESANAN PADERI | 9 SEPTEMBER 2018 | MINGGU KE-15 SELEPAS TRINITI

Saya telah menghadiri Sinod bersama para pemimpin kita. Bisyop telah mengisytiharkan tema untuk Diosis kita ialah 'Dekad Penginjilan dan Pemuridan'. Untuk dua tahun yang mendatang, tema kecil kita ialah 'Tahun Menabur'. Saya berbangga dengan tema ini, kerana tema ini merupakan nilai teras gereja kita.

Saya ingin berterima kasih kepada anda semua yang telah terlibat untuk keluar menjangkau jiwa-jiwa. Ini bukanlah satu acara yang berlangsung sekali sahaja. Saya mendorong kepada kita semua agar terus melakukan perkerjaan ini sehingga ianya menjadi tabiat kita.

Dalam kelompok sel, penginjilan merupakan salah satu daripada dua agenda utama kita. Mari kita saling mendorong antara satu sama lain dalam kita berkumpul untuk berbincang dan mengatur pelan untuk keluar mencari jiwa yang hilang. Perkara ini sangat dekat dengan hati Tuhan untuk mencari jiwa-jiwa yang hilang agar mereka boleh berdamai semula dengan Bapa. Akan terjadi sukacita yang besar di syurga apabila seorang kembali kepada Bapa.

Pada minggu lalu saya berada di Tawau untuk *SOTAM Regional School Convention*. Saya sangat gembira apabila melihat ramai pelajar telah membuat komitmen secara peribadi untuk menerima Yesus sebagai Tuhan dan Juruselamat mereka. Hal yang sangat menyentuh hati saya ialah apabila melihat seorang gadis mengeluarkan air mata ketika melihat sahabatnya yang telah dia doakan selama ini mengambil keputusan untuk menerima Yesus. Saya berdoa agar kita juga akan mengalami pengalaman yang mengembirakan apabila keluarga kita, kawan-kawan kita dan orang luar mengambil keputusan untuk menerima Yesus sebagai Tuhan mereka. Saya sangat pasti apabila anda mengalami pengalaman sukacita, anda pasti ingin merasakannya lagi!